


SEJARAH & POLITIK

KISAH 'AMOK' LELAKI BANJAR DI BANGI YANG MENGORBANKAN NYAWA PADA 73 TAHUN LALU



By Azar Ishak

Posted on January 4, 2021



Imej dari National Archives of Singapore & The New York Times

SOSCili.my

1.7K
SHARE SEKARANG!(This article is translation. For the original, visit [CILISOS](#))

Salah satu perkataan yang suatu masa dulu sinonim dengan orang Melayu adalah 'amok'. Perkataan ni bukanlah satu perkataan indah, sebab ia membawa maksud keadaan seseorang yang tak dapat lagi mengawal perasaannya sehingga hilang pertimbangan sampai boleh membunuh. Disebabkan konsep ni selalu jadi kepada orang Melayu, perkataan 'amok' tu sendiri dah diambil dalam bahasa Inggeris.

Tapi, korang pernah dengar tak tentang kisah amok yang pernah jadi di atas sebuah kereta api? Kisahnya jadi selepas lelaki berkenaan...

Rasa kecewa sangat sebab tak dapat jumpa ayahnya di Sumatera



Kereta api di Singapura pada sekitar tahun 1906. Imej dari The Malayan Railway.

Lelaki itu adalah Mat Taram bin Saal, atau dikenali juga sebagai Utoh. Berketurunan Banjar, lelaki yang berasal dari **Pulau Tunggal, Sumatera** ni menjalankan perniagaan padi dan sawah di Teluk Anson (Teluk Intan), Perak. Puncanya jadi bila dia nak melawat ayahnya yang ada di Sumatera.

Tapi, nak pergi sana tu bukannya senang, sampaikan Utoh terpaksa jual rumah dan tanah sebab nak kumpul duit. Hasil dari buat semua tu, **dapatlah dia \$200** yang dia boleh guna untuk pergi ke Sumatera. Tak tungu lama, dia pun bawa isteri dan anak naik bas ke Bidor dan lepas tu ke Singapura. Rancangan Utoh, bila dah sampai di Singapura nanti – diorang akan naik kapal ke Sumatera.

Bagaimanapun, rancangannya tu gagal sama sekali bila Utoh dapat tahu yang dia tak cukup duit untuk teruskan

CARI

Type search term and press enter

BORAK DENGAN KITORANG KAT FESBUKI



ARTIKEL-ARTIKEL TERBARU

Orang Perak tak sedar dialek mereka ada percampuran Minang dan Jawa?
Ini kajiananya

Dibubuh besi & emas: Rahsia di sebalik kejuruteraan mistik 'Tiang Seri' masyarakat Nusantara

Kajian menunjukkan kebanyakan mangsa ragut adalah dari 3 negeri ni...

Ulama' Melayu yang menyebarkan Islam di Tanah Jawa sebelum kemunculan Wali Songo

Kisah 'amok' lelaki Banjar di Bangi yang mengorbankan nyawa pada 73 tahun lalu

perjalanan. Dengan perasaan cukup kecewa, dia buat keputusan untuk balik ke Teluk Anson dengan naik kereta api KL – Singapura.

Malangnya, Utoh kemudiannya alami tekanan perasaan, sampaikan dia tak tidur dua hari, jalan mundar mandir dan macam takde life sepanjang atas kereta api. Keadaan yang pada mulanya dilihat tak bawa sebarang kemudaran ni seterusnya bertukar ganas bila...

Utoh secara tiba-tiba mengamuk dan membunuh 11 nyawa




Laporan The Straits Times pada 11 Oktober 1947. Imej dari National Archives of Singapore.

Itulah yang dilakukan oleh Utoh pada 9 Oktober 1947 – apabila dia bangun dari tempat duduknya, pergi ke bahagian restoran dan menikam empat orang Pegawai British. Kejadian itu berlaku sejurus selepas kereta api melewati Bangi dan menuju ke Kajang. Seorang pegawai British yang diserang, Sgt. Herbert Victor Marston – cuba melawan, malangnya dia terbunuh juga selepas itu.

Porter yang melihat kejadian itu menceritakan:

*"Tepat ketika kereta api melewati stesen Bangi, dia melompat dan bergegas memasuki restoran dan menikam seorang tentera yang duduk di meja makan bersama tentera lain. Semasa dia sampai kepada saya, saya jatuh dan saya rasa disebabkan saya jatuh itulah nyawa saya terselamat." – Poachi, katanya dipetik dari *The Straits Times, 11 October 1947*.*



Dapatkan artikel SOSCILI terus kat email!

Email

HANTAR

Utoh lepas tu terus mengamuk bila semua yang ada di depannya ditikam, sampaikan seorang lelaki Melayu, Mohamed Eusoff dan seorang Tamil, Malimalia turut menjadi mangsa. Akibat keadaan huru hara itu, seorang penumpang berjaya menarik kabel komunikasi sehingga memberhentikan kereta api.

Dalam kucar kacir tu, Utoh jatuh dari kereta api dan menghilang diri ke hutan berhampiran. Kereta api pula terus menuju ke Kajang, untuk bawa mangsa dapatkan rawatan. Kejadian itu kemudiannya memaksa pihak polis menjalankan operasi mencari Utoh yang dah menghilangkan diri.

Dalam usaha pencarian tu, pihak polis terjumpa mayat seorang Cina yang mati ditikam ketika memasak. Mereka juga dengar satu teriakan dari sebuah pondok pengumpulan getah di Estet Sungai Tangkas, tapi bila dibalas - teriakan itu ia tak ada jawapan.

Tak lama lepas tu, muncul seorang budak lelaki yang berlari ke arah mereka sambil bawa cangkul dengan kata – ada seorang lelaki membunuh 6 orang di Kongsi (organisasi Cina), termasuk dua orang warga emas dan tiga orang kanak-kanak. Sembilan lagi pula cedera, termasuk empat kanak-kanak, manakala yang lain semuanya bersembunyi dan trauma.



Survivors from a kongsi house where the amok killed six people and injured eight. The woman with a child in her arms is the widow of Cheow Hin, who was among those killed.

Mereka yang terselamat dari amukan Utoh. Imej dari National Archives of Singapore.

Seorang wanita yang menjadi saksi kejadian menceritakan:

"Kami tidak pernah menyedari apa yang sedang terjadi, saya hanya terdengar seseorang menjerit, dan saya rangkul dua anak saya dan berlari dari rumah."
– Ng Tai (1947), dipetik dari **The Straits Times, 11th October 1947**.


Budak lelaki yang lari bawa cangkul tu memberitahu yang Utoh **masuk ke dalam pondok dari belakang** dan mula menyerang sesiapa saja yang dia nampak. Pihak polis pula hanya sampai ke tempat kejadian selepas satu jam Utoh meninggalkan tempat tu.

Hal ni membuatkan pihak polis meminta bantuan dari unit KL, dengan mengepung kawasan **Kajang, Bangi dan Semenyih** untuk mengesan suspek. Kes ini seterusnya mencatatkan **korban nyawa seramai 11 orang**, sedangkan Utoh masih lagi belum berjaya dijumpai. Sampailah...

Utoh akhirnya berjaya dijejak, sejauh lebih 200km dari tempat kejadian!

Apa yang mengejutkan adalah, Utoh rupa-rupanya dah **berjalan kaki** ke Sabak Bernam, sejauh 231km selama 36 jam, untuk pergi ke rumah lamanya di Parit Enam. Di sana, dia dahan ditanya oleh seorang penduduk kampung apa yang dah jadi kepada dia, dan Utoh jawab yang dia dah **dihalau dari kereta api** lepas bergaduh dengan seorang budak Cina yang menumpahkan teh ke atasnya.

"Saya tidak tahu apa yang berlaku selepas itu tetapi saya berjalan ke sini." –
Utoh (1947), dipetik dari **The Straits Times, 13th October 1947**.



Bukan main jauh dia jalan.

Bila ditanya pasal anak dan isterinya, Utoh cuma kata yang dia **kehilangan mereka**. Orang kampung tu kemudiannya bagi cadangan supaya **dapatkan bantuan polis**, dan mereka pun pergi ke **Balai Polis Sabak Bernam**. Bila dengar cerita Utoh, pegawai polis tu teringat pasal **kes amok** yang dia baca dalam surat khabar. Utoh lepas tu ditahan, dan identitiya disahkan bila anak dan isterinya sampai ke balai.

Pegawai dari Hospital Mental Tanjung Rambutan dibawa untuk periksa keadaan Utoh

Walaupun lepas tu Utok ni nampak tenang je, tapi memang wujud tanda-tanda yang **mentalnya tak berapa stabil**. Masa dalam perbicaraan atas tuduhan bunuh, Utok dilaporkan berkata: "*Bunuh saya atau bebaskan saya.*" Dalam masa sama, menghukum Utok atas tuduhan bunuh tak la semudah yang disangka, sebab undang-undang British menetapkan seseorang itu mestilah '**waras dan tahu**', dengan 'niat untuk membunuh atau menyebabkan kemudaran'.

Hal itu jugalah yang dibangkitkan oleh peguam bela Dr. H.Y. Teh, yang berpendapat Utok berada dalam keadaan '**tak waras sampai membuatkannya mengamuk**'. Saksi yang juga pegawai dari Hospital Mental Tanjung Rambutan, DR R.A McNab berkata...

*"Pandangan saya adalah dia seorang yang mempunyai **kecerdasan rendah** dengan idea-idea yang mungkin primitif... yang akan memberi jalan keluar kepada dorongan mendadak." – Dipetik dari **The Straits Times, 5th May 1948.***

KILLED ELEVEN IN TRAIN—INSANE

'Amok Caused By Worry' Theory

From Our Own Correspondent
KUALA LUMPUR, Tuesday.

THE man who killed 11 people on the Singapore-Kuala Lumpur mail train on October 9 was to-day ordered to be kept in the mental hospital at Tanjong Rambutan at the pleasure of the Ruler-in-Council.

He was Utok (alias Mat Taram bin Saal), a Banjarese.

At Selangor Assizes, he was found not guilty of the murder of Sergeant Herbert Victor Marston of the Royal Signals.

Laporan The Straits Times pada 5 Mei 1948. Imej dari National Archives of Singapore.

Dr. McNab juga lepas tu kata yang dia pernah berdepan dengan kes-kes 'amok' sebelum ni, dan fenomena ni '**khas terjadi kepada orang Melayu dan Banjar**':

*"Ini biasanya disebabkan oleh masalah **khayalan atau kurang akal**. Serangan tersebut disifatkan oleh **tindakan impulsif secara tiba-tiba** yang nampaknya berada **di luar kawalan individu**.*

*Tindakan tersebut biasanya ditunjukkan oleh kekerasan dan sangat sering, malangnya, ia membawa kepada penggunaan senjata yang mematikan. Serangan dalam beberapa kes berlangsung selama beberapa jam." – Dr. McNab (1948), seperti yang dipetik dari **The Straits Times, 5 Mei 1948.***

Mahkamah juga dapati yang Utok sebenarnya **tak ingat apa yang berlaku** dan kadang-kadang tu tak kenal siapa dirinya sendiri. Dr McNab turut berpandangan yang kemungkinan Utok **alami tekanan** sebab tak dapat pergi ke Sumatera. Disebabkan semua masalah yang dihadapinya tu, Utok lepas tu dihantar ke Tanjung Rambutan dan tak dihukum kerana alami masalah mental.

Apa yang pasti, peristiwa ini secara langsung dikaitkan dengan fenomena yang jadi kepada masyarakat Nusantara iaitu...

'Amok', fenomena Nusantara yang tercatat sejak sekian lama



Ilustrasi amok pada abad ke-19. Imej dari The New York Times.

Seperti yang diceritakan di awal artikel tadi – amok atau **mengamuk ni sangat sinonim dengan orang Melayu**. Kita juga mungkin pernah mendengar peristiwa **amok-nya Hang Jebat** setelah mendapat tahu sahabatnya Hang Tuah 'dibunuh'. Malah, banyak catatan British dan orang luar yang datang ke rantau ini menceritakan tentang amok.

"Pada tahun 1901, di wilayah Pahang, seorang lelaki Muslim berusia 23 tahun yang sebelumnya menjadi anggota pasukan polis mencuri pedang Melayu dan **menyerang 5 individu** ketika mereka sedang tidur atau menghisap cандu. Dia membunuh 3, hampir memenggal 1 mangsa, dan dia mencederakan yang lain dengan teruk." – Dipetik dari jurnal ***Running Amok: A Modern Perspective on a Culture-Bound Syndrome.***

Namun begitu, dalam konteks sekarang ni, hal begini lebih dikaitkan dengan masalah mental dan tekanan. Isu sebegini juga bukan hanya jadi dalam masyarakat Melayu, sebab kita sendiri selalu dengar pasal serangan-serangan amok oleh bangsa lain, macam yang selalu jadi di **Amerika Syarikat**. Kes Utoh sebenarnya membuka mata kita tentang betapa pentingnya kesedaran terhadap masalah mental dan usaha mencegahnya.

Jika korang berdepan dengan simptom-simptom tekanan perasaan, cepat-cepatlah dapatkan rawatan sepatutnya supaya ia tidak bertambah parah. Semua itu bukanlah sia-sia, kerana setiap daripada kita pasti ada yang sayang dan disayangi.

1 Comment

Sort by Top



Add a comment...



Ralph Kirkpatrick Winsloe

Isap ganja je pengubat ni.

Like · Reply · 0 · 3 · 4d



Rosbeng Rosbeng

Ganja lambat bro...Ketum je

Like · Reply · 0 · 4d

Facebook Comments Plugin

1.7K

SHARE SEKARANG!



RELATED ITEMS: [AMOK, BANJAR, ESTET SUNGAI TANGKAS, KAJANG, KERETA API, MAT TARAM BIN SAAL, MENGAMUK, NUSANTARA, ORANG BANJAR, PERISTIWA AMOK, PERISTIWA AMUK, SIFAT ORANG MELAYU, TELUK ANSON, UTOH](#)

RECOMMENDED FOR YOU



Bercanggah dengan agama? Ini merupakan sejarah Black Metal di Malaysia



Tapak istana ditukar gereja? Ini 4 tempat yang diambil dari nama penjajah



Bunuh ular ketika hamil. Kisah 'sumpahan' kenan dalam masyarakat Melayu

PENDIDIKAN & KESIHATAN


HELMET JE DEKAT RM1,000?INI ANGGARAN KENA ADA KALAU NAK JOIN GENG BASIKAL 'KAYANGAN'



By Kamal Nizam

Posted on December 30, 2020





Sukan berbasikal sekarang makin hari makin popular, itu membuatkan ramai orang tak kira muda atau tua ingin mencebur sukan ini. Kita boleh melihat **evolusi basikal** itu sendiri dari basikal tua yang pakcik-makcik pakai zaman dulu hingga lah ke basikal seberat 6-kilogram je.

Sejak habis Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama hari tu, **sukan ini semakin diminati oleh rakyat Malaysia**. Jadi, apa je yang korang perlu tahu sebelum mula mencebur aktiviti berbasikal ni? Kalau korang nak tahu, teruskan membaca.

Tetapkan niat yang betul sebelum berbasikal



Program Sunday Family Ride (SFR). Imej dari [Harian Metro](#)

Pertama sekali, kepada korang yang betul nak sertai aktiviti berbasikal ni kena tetapkan dulu niat. Sebab apa tau, zaman sekarang ni **ramai yang nak main basikal hanya sebab nak ikut trend je** dan bukan disebabkan minat yang mendalam dalam sukan ni.

Kalau korang nak tahu, **terlalu banyak insiden-insiden teruk yang telah terjadi melibatkan penunggang basikal**. Nak tahu insiden apa? Boleh baca kat bawah tu nanti.



**Join basikal
sebab
minat**

**Join
basikal
sebab
trend**

Berbalik kepada niat tu tadi, korang haruslah mempunyai **minat yang mendalam** dalam sukan ni supaya senang korang nak jadi 'pro' dalam aktiviti macam ni. Kalau mengikut pendapat netizen, orang yang main basikal ikut trend ni la **puanca berlakunya benda-benda yang tidak diingini sampaikan nama orang yang dah lama main basikal busuk** juga. Siapa makan cili dia terasa pedasnya lah kan.

Tapi kalau nak ikut trend pun salah, dari situ juga korang boleh build up minat tu kan. Minat je tak boleh juga, korang kena juga tahu untuk bawa basikal tu dengan bagus. Kalau tak reti bawa basikal tak payah lah gatal-gatal nak main basikal tu.

Ada macam-macam jenis basikal yang korang kena tahu





Galeri basikal di USJ CYCLES. Imej dari [Trippify](#)

Perkara penting yang korang kena tahu adalah jenis basikal apa yang korang nak beli tu. Terdapat pelbagai jenis basikal yang ada kat pasaran sekarang ni yang korang boleh beli mengikut kesesuaian aktiviti berbasikal yang korang nak.

Sebagai contoh, korang **beli basikal ni untuk riadah ke, hobi ke, atau memang untuk korang fokus dalam bersukan**. Sebab, setiap jenis basikal ada kelebihan dan kekurangannya dan disebabkan itu juga korang kena lah pilih betul-betul mengikut kesesuaian penggunaan korang tu.



Jenis-jenis basikal. Imej dari Atlanta [Pro Bicycle](#)

Basikal yang pertama adalah **Mountain Bike**, sebuah basikal yang selalu dibeli oleh ibu bapa kepada anak mereka kerana ia boleh didapati dengan harga yang agak murah. Kalau mengikut namanya je, biasanya Mountain Bike ini digunakan untuk 'offroad' atau jalan yang tidak sekata disebabkan rekaannya yang memfokuskan ke arah situ.

Dapatkan artikel SOSCILI terus kat email!

Yang kedua adalah **Road Bike atau Racing Bike**, basikal yang ni agak mahal sebab ni jenis basikal yang selalu ada dekat **trek velodrom** tu. Ia memang direka khas untuk kayuhan pantas disebabkan bentuknya yang aerodinamik dan bingkai badannya yang ringan. Tetapi, basikal ni amat mahal yang pasti akan buatkan korang berfikir dua ke tiga kali sebelum beli.

Ketiga adalah **Folding Bike**, sebuah basikal yang sesuai untuk seisi keluarga kerana ia memfokuskan aktiviti riadah dan ia juga sesuai untuk budak kecil. Yang keempat adalah **Fat Bike**, basikal yang mempunyai tayar yang besar seakan-akan motorsikal. Fat Bike kira macam ramai beli untuk nampak 'style' dan juga untuk sukan basikal lasak, kalau korang bawa basikal tayar besar macam tu mesti orang tengok punya.

Family Basikal



Yang kelima adalah **Touring Bike**, ingat motorsikal je ada touring? Basikal pun ada. Touring Bike ni senang cerita untuk perjalanan jauh. Kira kalau korang beli basikal ni, ia sesuai untuk korang yang suka **mengembawa secara ekstrem** dengan hanya menggunakan basikal sahaja. Yang terakhir adalah **Hybrid Bike**, sebuah basikal yang dicampur aduk teknologinya supaya pembeli mendapat semua manfaat dalam sebuah basikal sahaja.

Basikal ‘entry level’ pun boleh sampai ribuan ringgit



Polygon Cascade 3. Imej dari [Orbit Cycle](#)

Sebenarnya, banyak benda yang korang kena tahu sebelum menjadikan aktiviti berbasikal ni sebagai hobi korang. Seperti '**frame**' atau **bingkai badan basikal** adalah antara komponen penting, korang **memerlukan bingkai badan basikal yang bagus** untuk memberi korang keselesaan semasa berbasikal.

Terdapat pelbagai pilihan yang korang boleh pilih, ada yang dah siap pasang semua sekali dan ada yang jual bingkai je. Tetapi, kebanyakan kedai sekarang terus jual sekali 'full set' basikal dan terus beri harga mereka.

Mengikut kitorang punya kajian, harga basikal baharu dan bagus yang paling murah korang boleh dapat dekat internet adalah **Polygon Cascade 3** dengan tanda harga RM1,090. Ye, entry level punya harga pun dah ribu-riban tapi tu basikal full set dengan harga yang paling murah setakat ni.



Tapi kalau nak 'advance' sikit, boleh tengok yang lain macam basikal **Scott Foil RC 2017**, cuma dia agak mahal sikit sebab harga dia untuk full set dalam RM33,999 je. Kalau betul minat apa salahnya kan, tapi baik beli kereta dah kalau harga basikal pun saing-saing Proton Saga Full Spec.

Jangan terkejut aksesori aktiviti berbasikal kadang-kadang boleh sampai beribu juga





Aksesori keselamatan basikal. Imej dari [Blogspot](#)

Walaupun setakat main basikal, risiko untuk mendapat kecederaan tu tetap ada. Ada empat benda penting yang korang kena sediakan bagi mengurangkan risiko kecederaan, sekaligus meningkatkan keselamatan korang sebelum memulakan kayuhan.

Benda yang pertama adalah **helmet**, helmet (purata harga, dari RM109 hingga RM981) ni antara yang paling penting sekali sebab kalau korang jatuh semasa mengayuh tu paling-paling kepala korang tak ada la terdedah sangat. Helmet boleh lindung kepala kita ni dari pelbagai kemungkinan kecederaan, dalam pada masa yang sama boleh elakkan konkus atau pendarahan otak yang ada risiko kematian.



Yang kedua pula adalah **sarung tangan**, kalau boleh cari sarung tangan (purata harga, dari RM95 hingga RM240) yang bagus sikit sebab kalau terjadinya 'worst case scenario' pun tangan tu tak ada calar-calar sangat. Ketiga adalah **baju dan seluar yang bersesuaian** (purata harga, dari RM75 hingga RM500). Boleh je kalau nak pakai baju biasa tapi tak berapa sesuai la sebab nak main basikal ni kena pentingkan keselesaan, kalau bawa basikal pun tak selesa macam mana nak peka dengan keadaan sekelling kan.

Yang terakhir adalah **lampa basikal atau pun 'blinker'** (purata harga, dari RM50 hingga RM250), benda ni penting bagi mereka yang nak mengayuh malam-malam sebab ia memudahkan pengguna jalanraya yang lain untuk nampak korang. Ada juga aksesori lain yang boleh dibeli seperti cermin mata khas untuk berbasikal, tapi harga dia memang agak kurang ajar sebab pergi sampai RM828 tu tapi ada je yang murah sekitar RM39.

Jadinya, untuk yang baru nak berkecimpung ni korang kena at least ada RM1,500 dalam poket. Itu pun, barang-barang gred bawah je la yang korang dapat.

Banyak masalah 'attitude' mereka sekarang ni viral di media sosial



Masalah 'attitude' penunggang basikal. Imej dari 9Gag

Sudah pasti, benda yang korang kena pentingkan adalah keselamatan. Pihak berkuasa pun berkeras supaya semua orang yang berbasikal untuk **mematuhi segala peraturan lalu lintas dan sentiasa mengutamakan keselamatan.**

Yang dimaksudkan dengan attitude tu adalah dimana sudah banyak tular video dan cerita tentang orang yang berbasikal ni seperti membuat jalanraya tu macam jalan bapak dorang sendiri. Ada juga yang sampai **bawa basikal masuk kedai makan** sebab takut basikal hilang, ada juga kes yang **bawa basikal tengah-tengah jalanraya besar** dan yang **main masuk je simpang tanpa tengok kiri dan kanan** pun ada.



Bawa masuk basikal ke dalam restoran. Imej dari Twitter

Kalau mengikut pandangan netizen, korang perlu betulkan dulu attitude semasa berbasikal dan perhalusi juga **peraturan lalu lintas**, paling-paling pun **tengok lah kiri kanan** dan bagi keutamaan kat kereta dan motor dulu. Setakat ni, dah ada banyak **kemalangan yang melibatkan penunggang basikal sampaikan melibatkan kematian (56 maut) sejak Januari 2020.**

Injang @InjangNation · Dec 11
Ini sebenarnya latihan intensif, melalui Pintasan Saloma boleh melatih keseimbangan dan meningkatkan pecutan. Team LeTourDeBodoh ini sedang membuat persediaan untuk Olimpik di Planet Zuhul pada tahun 2030 nanti.

Mohammad Faez Harith @H.Bakkani · Sep 22
Inilah masalah #mentaliti rakyat #Malaysia.
Dah tulis dilarang berbasikal, ada juga yang dengan selamba redah dengan #basikal.
Mohon ada pemantauan @DBKL2u @PDRMmsia sebelum makin parah dan tempst ini akan jadi mangsa vandalisme.

Keluhan netizen berkennaan penunggang basikal. Imej dari Twitter

Perkara macam ni boleh dielakkan apabila semua orang tahu dan arif tentang batas berbasikal dan juga lengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang patut. Kalau degil sangat, hadap je la pihak berkuasa sebab korang boleh didakwa di bawah **Seksyen 54(1) Akta Pengangkutan Jalanraya 1987** jika bawa secara melulu dan merbahaya dan boleh didenda tidak kurang RM200 dan tidak lebih RM2,000.





Baru korang tahu langit tu tinggi ke rendah, tapi tak kisah pun sebab kalau dah boleh beli basikal mahal-mahal takkan lah tak boleh bayar denda banyak tu kan.

"Berbasikal untuk kesihatan bukan trend, keselamatan diri di atas jalan raya itu adalah perkara paling penting dalam sukan basikal. Tak kisah basikal mahal atau pun murah, kalau kita tahu jaga keselamatan diri dan ikut undang-undang jalanraya maka sukan berbasikal ini tidak akan dipandang enteng lagi oleh masyarakat," – Alyzack Daniel, Recreational Cyclist, katanya kepada Soscili

Cari ilmu dahulu sebelum memulakan aktiviti berbasikal, ini juga untuk keselamatan semua



Berfikir dulu sebelum berbasikal. Imej dari [Julinse](#)

Sebelum korang bercadang nak mengayuh tu, **perbaiki dahulu attitude korang sebagai penunggang basikal**. Kita berbasikal ni untuk 'exercise', bukan untuk menunjuk-nunjuk atau ikut trend semata mata.

Terdapat pelbagai ilmu yang korang boleh selami dahulu sebelum memulakan aktiviti kayuhan korang tu, pengetahuan tentang lalu lintas pun perlu ada.



Papan Tanda Jalan Raya

Peraturan lalu lintas. Imej dari [Prosains](#)

"Sebelum kita bercakap mengenai penguatkuasaan undang-undang, kita kena fokus kepada pendidikan penggunaan jalan raya yang lebih baik kepada semua pemandu dan penunggang kendaraan. Kebanyakan penunggang yang baru ini tidak berkayuh dengan kumpulan yang berpengalaman. Jadi mereka tak dapat pengalaman dan nasihat yang diperlukan," – Akmal Azfar, Timbalan Penggerusi Malaysia Mesra Basikal, dipetik dari [Sinar Harian](#)

Senang cerita, berbasikal ni memang best tapi kalau mengancam nyawa pun tak best juga kan. Kekal selamat, kita jaga kita.

EKONOMI

MALAYSIA PERNAH JADI PENGELUAR GETAH TERBESAR, TAPI SEKARANG KENAPA MINTA DARI THAILAND?



By [Aqil Syakir](#)

Posted on December 29, 2020

